

23 FEBRUARI 2026, PUTRAJAYA

BE2026 Lebih Inklusif:

“No Business Left Behind”

Liputan diperluas merangkumi sektor informal termasuk perniagaan dalam talian, penjaja kecil, *homestay* dan pekerja gig bagi memastikan data ekonomi lebih menyeluruh.

Banci Ekonomi 2026 (BE2026) dilaksanakan 5 Januari sehingga 31 Oktober 2026 melibatkan lebih 1.34 juta pertubuhan aktif.

Majlis Peluncuran BANCI EKONOMI 2026

“DATA NADI EKONOMI RAKYAT”

“Dapatan ini juga akan menjadi penanda aras baharu bagi penyusunan KDNK, guna tenaga, pelaburan dan sektor industri. Pada masa yang sama, kapasiti statistik negara diperkasa melalui pemanfaatan data raya serta analitik moden, yang seterusnya melahirkan statistik baharu yang selari dengan arus teknologi semasa dan mampu memenuhi tuntutan pemegang taruh dalam proses penggubalan dasar.”

Petikan Ucapan
YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir,
Menteri Ekonomi Malaysia

“Walaupun angka itu mungkin memberi gambaran, jika kita tidak memahami konteks ataupun selok-belok prosesnya, maka di situ akan ada pertimbangan yang perlu diberi keutamaan untuk kita memahami hasil dapatan nanti. Tujuan BE2026 ini, selain dari segi melahirkan angka, kita juga ingin **mementau sejauh mana pencapaian dasar-dasar negara dan menjadi panduan untuk mengorak langkah sebagai kompas hala tuju seterusnya.**”

Petikan Ucapan
YBhg. Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia,

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menganjurkan Majlis Peluncuran Banci Ekonomi 2026 (BE2026) bersama Forum Banci Ekonomi 2026 pada 23 Februari 2026 di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. Penganjuran ini menzahirkan komitmen berterusan DOSM dalam memperkukuh data ekonomi negara melalui pelaksanaan banci yang menyeluruh dan inklusif.

Dengan tema **“Data Nadi Ekonomi Rakyat”**, BE2026 menekankan **peranan penting data sebagai asas kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi yang inklusif bagi semua rakyat Malaysia.**









BANCI EKONOMI 2026

Pengenalan, Objektif & Skop Liputan

PENGENALAN

- Banci Ekonomi (BE) 2026 merupakan **banci ke-6** yang dilaksanakan oleh DOSM
- Bertujuan **mengumpulkan maklumat komprehensif mengenai prestasi dan struktur ekonomi sehingga peringkat daerah pentadbiran bagi tahun rujukan 2025**
- Meliputi **semua sektor ekonomi**
- Banci pertama **meliputi sektor informal**

Pengumpulan maklumat di bawah BE tertakluk kepada:



**AKTA
PERANGKAAN
1965 (disemak
1989)**



OBJEKTIF

BE2026 dilaksanakan untuk memastikan Malaysia memiliki gambaran ekonomi yang lebih jelas, lebih tepat dan lebih menyeluruh. Antara fokus utamanya ialah:

1

Menyediakan maklumat ekonomi yang boleh dijadikan asas perancangan dan penambahbaikan dasar;

2

Memperkuh pangkalan data ekonomi melalui penandaarasan baharu;

3

Mengenal pasti industri serta produk baharu yang semakin berkembang; dan

4

Menguatkan kapasiti statistik negara agar keputusan yang dibuat lebih berpaksikan bukti.

SKOP & LIPUTAN

BE2026 bukan sekadar "kira nombor" ia mendengar denyut nadi ekonomi di lapangan. Liputan banci merangkumi pertubuhan berdaftar serta turut memberi perhatian kepada sektor informal dan pertubuhan tidak berasaskan keuntungan, selari dengan pendekatan inklusif untuk memastikan tiada yang tercicir daripada gambaran ekonomi negara.

A. PERTUBUHAN PERNIAGAAN

Berdaftar dengan SSM

1

- Registration of Company
- Registration of Business

Berdaftar dengan Agensi Berkaitan

2

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Agensi Pertanian
- Berdaftar dengan Badan Profesional
- Agensi lain

Tidak Berdaftar (Sektor informal)

3

- Perniagaan dalam talian
- Homestay
- Penjaja

Berdasarkan Industri Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2025

- 5 Sektor
- 19 Seksyen
- 1,207 Industri

5 SEKTOR UTAMA

- Pertanian**
- 1 Seksyen | 153 Industri
- Perlombongan & Pengkuarian**
- 1 Seksyen | 46 Industri
- Pembuatan**
- 1 Seksyen | 262 Industri
- Pembinaan**
- 1 Seksyen | 78 Industri
- Perkhidmatan**
- 15 Seksyen | 668 Industri

B. PERTUBUHAN PERNIAGAAN TIDAK BERASASKAN KEUNTUNGAN

Berdaftar dengan Registrar of Societies (ROS)

1

- Persatuan berdaftar

Tidak Berdaftar

2

- Pertubuhan Kebajikan dan keagamaan

5

Forum

BANGI EKONOMI 2026

“DATA NADI EKONOMI RAKYAT”



MODERATOR

ENCIK ISMAIL ADNAN

Pengacara dan
Penyampai Berita
RTM TV1

PANEL 1

YB SENATOR DR.
JUFITRI JOHAAhli Dewan Negara,
Tokoh Belia Negara 2014
& Tokoh Belia ASEAN

PANEL 2

ENCIK ALI REZA AZMI

Pengasas dan
Ketua Pegawai Eksekutif,
Twenty-Four Consulting
PLT

PANEL 3

DR. ABDULLAH
ABD RAHIMPensyarah,
Pengasas dan
Ketua Pegawai Perkebunan
Tiong Trove Family Farm

Seiring peluncuran rasmi, Forum Banci Ekonomi 2026 telah membuka tirai program dengan perbincangan yang segar dan berfokus bagi menghubungkan data, dasar dan realiti ekonomi rakyat. Forum ini menghimpunkan perspektif pelbagai pihak bagi meneliti bagaimana data yang tepat dan menyeluruh mampu menyokong keputusan strategik, memperkukuh ekosistem ekonomi serta memastikan tiada kumpulan yang tercalar daripada agenda pembangunan.

Forum dilaksanakan dalam format perbincangan panel yang dinamik, dipandu oleh moderator berpengalaman. Sesi disusun secara interaktif melalui pertukaran pandangan, respons balas antara panelis serta penekanan kepada isu semasa yang dekat dengan rakyat dan komuniti perniagaan.

Moderator | Encik Ismail Adnan

Dalam forum ini, moderator telah berperanan sebagai “pengikat” isu dengan memastikan perbincangan kekal jelas, tersusun dan terarah. Beliau berjaya memandu sesi dengan berkesan dengan menghubungkan data kepada realiti lapangan, sekali gus menjadikan perbincangan bukan sekadar angka, tetapi mudah difahami dari sudut impaknya kepada rakyat, perniagaan dan dasar negara. Selain itu, soalan-soalan yang dikemukakan turut mencetuskan perbincangan yang bernas serta membantu panelis mengupas topik dari perspektif masing-masing, namun tetap menuju matlamat yang sama iaitu membina ekonomi yang lebih responsif melalui data yang dipercayai.



2016-2030



20 OKTOBER

BANGI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

@StatsMalaysia

Panel 1 | YB Senator Dr. Jufitri Joha



Beliau menegaskan bahawa dasar yang berkesan perlu bermula dengan polisi berasaskan data dan bukti (*evidence-based policy*). Ini bermaksud apabila membincangkan isu rakyat seperti kemiskinan, peluang pekerjaan dan pembangunan belia, kita bukan sekadar bergantung pada persepsi, sebaliknya berpandukan data yang sahih serta analisis yang tepat.

Dalam masa yang sama, beliau mengangkat isu jurang dan ketidakseimbangan yang dihadapi belia, khususnya di luar bandar dan pedalaman termasuk akses digital dan peluang ekonomi. Bagi beliau, data yang baik bukan hanya untuk membaca keadaan semasa, tetapi untuk mengesan trend, memahami konteks di sebalik angka, dan membantu pembuat dasar bersedia menghadapi perubahan ekonomi, teknologi dan geopolitik.

Beliau juga menutup dengan mesej penting, **data perlu dilengkapi dengan kerja lapangan supaya bantuan dan dasar yang dibuat benar-benar tepat, adil dan sesuai dengan keperluan sebenar.**

Beliau membawa perspektif teknologi dengan penekanan bahawa data BE2026 boleh menjadi pemangkin kepada keputusan yang lebih pantas dan praktikal, terutama untuk usahawan dan perniagaan. Beliau menjelaskan bahawa AI boleh membantu "mempercepatkan" proses memahami data dan mengenal pasti dapatan utama, tetapi keputusan tetap memerlukan pertimbangan manusia.

Highlight paling mudah difahami daripada beliau ialah **idea "memanusiakan data" iaitu menjadikan data lebih mesra pengguna dan boleh digunakan oleh orang biasa, bukan hanya penganalisis.** Contohnya, melalui platform seperti *Generative AI*, peniaga kecil boleh mendapatkan maklumat hanya dengan bertanya dalam bahasa harian, tanpa perlu mahir analisis.

Beliau turut menyentuh cabaran masyarakat hari ini yang kurang membaca dan pemikiran kritis melemah walaupun data sebenarnya banyak. Dalam penutup, beliau mengharapkan wujud aplikasi/inisiatif pasca BE2026 yang membolehkan rakyat memanfaatkan data secara praktikal, serta menekankan perlunya data setempat yang tepat (termasuk pendekatan seperti *crowdsourcing/outsourcing*) untuk memahami keunikan setiap kawasan.

Panel 2 | Encik Ali Reza Azmi




Panel 3 | Dr. Abdullah Abd Rahim



Beliau membawa suara industri dan lapangan dengan mesej yang sangat jelas dimana data yang dikumpul mesti mencerminkan ekosistem sebenar sesuatu industri, barulah ia relevan dan boleh digunakan. Beliau memberi penekanan bahawa **data bukan sekadar laporan, tetapi "kompas" untuk membantu industri dan pelabur membuat perancangan dan mengurus risiko.**

Beliau juga mengaitkan data dengan pengukuhan rantaian nilai yang terdiri daripada pengeluar, pembekal, pemproses, pengedar hingga pengguna akhir. Bila data lengkap, keseluruhan rantaian ini boleh diperbaiki supaya lebih tersusun, cekap dan berdaya saing sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur.

Beliau turut menyentuh perkara yang selalu menjadi kebimbangan industri iaitu kerahsiaan data. Justeru, jaminan keselamatan maklumat serta penerangan yang jelas amat penting supaya pemain industri yakin untuk berkongsi data, kerana tujuan pengumpulan data adalah untuk memajukan industri, bukan memberi kelebihan kepada mana-mana pihak.



PAMERAN & RANGKAIAN

Pemegang Taruh Berkumpul, Idea Berkembang

Sebagai nilai tambah program, reruai pameran turut diadakan bagi memberi ruang kepada para tetamu untuk meneroka inisiatif, perkhidmatan dan platform digital yang menyokong agenda pembangunan ekonomi negara. Pameran ini bukan sekadar paparan informasi, malah menjadi medan perkongsian, jaringan strategik dan pemahaman lebih dekat tentang bagaimana data dimanfaatkan dalam membuat keputusan yang lebih tepat.

YB Menteri Ekonomi turut meluangkan masa untuk lawatan ke reruai pameran, berinteraksi dengan pemampir serta meninjau penerangan berkaitan produk dan inisiatif yang dipamerkan.

Antara pempamer yang terlibat ialah:

- DOSM - Produk DOSM, BE2026, MyPAKW, TaniStats, MyGeoHub, MyLabourHub dan lain-lain platform berkaitan
- Kementerian Ekonomi
- Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Putrajaya (PENJAYA)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Malaysia Retail Chain Association (MRCA)



SOROTAN SIDANG MEDIA BE2026 dalam Fokus Rakan Media

Program diakhiri dengan sidang media yang menjadi platform penerangan lanjut berhubung pelaksanaan BE2026 serta sesi soal jawab bersama rakan media. Sidang media ini turut mencerminkan komitmen DOSM dalam memastikan maklumat berkaitan BE2026 disampaikan secara jelas, telus dan meluas kepada masyarakat.

Antara organisasi media yang hadir ialah:



KENYATAAN & LIPUTAN MEDIA

BE2026 Dalam Sorotan Media

BH26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT



KENYATAAN MEDIA

Banci Ekonomi 2026: Data Nadi Ekonomi Rakyat

Banci Ekonomi 2026: Mengukuhkan Asas Data Ekonomi Negara

PUTRAJAYA, 23 FEBRUARI 2026 – Majlis Peluncuran Banci Ekonomi 2026 telah diresmikan oleh YB Tuan Haji Ahmad Nasrullah bin Haji Mohd Nasir, Menteri Ekonomi bersempadan di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya pada hari ini. Tunik hadir sama YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah, Timbalan Menteri Ekonomi, YBhg. Datuk Seri Nor Azrie bin Dron, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkaan Malaysia. Majlis ini turut dihadiri oleh para pemegang tameng termasuk ahli-ahli Parlimen, antaranya YB Dato' Seri Dr. Hajah Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail.

YB Menteri Ekonomi dalam ucapannya menyebut, pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) merupakan satu projek nasional yang berupaya mentransformasikan sistem data ekonomi Malaysia ke arah yang lebih holistik, berpadu dan berdaya sang. Beliau juga menekankan berhubung kepentingan pelaksanaan BE2026 dalam mengenal pasti kemunculan industri dan produk baharu yang mencerminkan perubahan struktur ekonomi, sejajar dengan perkembangan teknologi, pendigitalan dan keperluan pasaran global yang dinamik.

Menurut Ketua Perangkaan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, majlis ini menandakan permulaan rasmi pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), sebuah projek statistik nasional yang menjadi asas penting dalam memperkukuhkan sistem data ekonomi negara. Kehadiran wakil kementerian, agensi kerajaan, pemain industri, ahli akademik serta rakan media mencerminkan komitmen bersama dalam memajukan statistik ekonomi negara terus relevan, berkualiti dan mampu menyokong pengubatan dasar berasaskan bukti. Dalam era ekonomi global yang semakin kompleks dan dinamik, data ekonomi yang tepat, komprehensif dan berpatutan masa bukan lagi satu pilihan, sebaliknya menjadi keperluan strategik bagi memastikan negara mampu merancang pembangunan secara berkesan dan berdaya tahan.

Ekonomi dunia kini berdepan pelbagai perubahan struktur yang dipacu oleh perkembangan teknologi digital, kecerdasan buatan, automasi, perubahan demografi global serta ketidakstabilan geopolitik dan rantaian bekalan. Perubahan ini turut mempengaruhi model operasi perniagaan yang semakin bersifat tanpa sempadan dan tanpa keberterbatasan kepada aset fizikal, seperti model perniagaan digital, ekonomi

STATISTIK MALAYSIA
Statistics in the Service of Life



MEDIA STATEMENT

ECONOMIC CENSUS 2026: DATA NADI EKONOMI RAKYAT

Economic Census 2026: Strengthening the Nation's Economic Data Foundations

PUTRAJAYA, 23 FEBRUARY 2026 – The Launch Ceremony of the Economic Census 2026 was officiated today by YB Tuan Haji Ahmad Nasrullah bin Haji Mohd Nasir, Minister of Economy, at the Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. Among those in attendance were YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah, Deputy Minister of Economy, YBhg. Datuk Seri Nor Azrie bin Dron, Secretary General of the Ministry of Economy and YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia and also serves as Commissioner of the Economic Census 2026. This ceremony was also attended by stakeholders, including Members of Parliament, among them YB Dato' Seri Dr. Hajah Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail.

In his address, the Minister of Economy underscored that the implementation of the Economic Census 2026 (EC 2026) represents a strategic national undertaking aimed at transforming Malaysia's economic data ecosystem into a more holistic, integrated and competitive system. He further highlighted the critical role of EC 2026 in capturing the emergence of new industries and products that signal structural shifts within the economy, in alignment with technological advancements, digital transformation and the evolving demands of an increasingly dynamic global marketplace.

According to the Chief Statistician of Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the ceremony marked the official commencement of the Economic Census 2026 (EC2026), a major national statistical undertaking that provides a crucial foundation for strengthening the Malaysia's economic data system. The presence of representatives from ministries, government agencies, industry players, academia and the media reflects a shared and steadfast commitment to ensuring that national economic statistics remain relevant, high quality and fully capable of underpinning evidence-based policymaking. In an increasingly complex and fast-changing global economic environment, the availability of accurate, comprehensive and timely economic data is no longer optional; it is a strategic necessity to enable effective, resilient and forward-looking national development planning.

The global economy is experiencing significant structural transformation, propelled by rapid digital advancements, artificial intelligence, automation, shifting global demographics, as well as geopolitical tensions and supply chain disruptions. These

STATISTIK MALAYSIA
Statistics in the Service of Life



Imbas KOD QR untuk maklumat lanjut

Informal sector to become part of Economic Census 2026

Tuesday, 24 Feb 2026

PUTRAJAYA: The implementation of the Economic Census 2026 (BE2026) will, for the first time, expand its coverage to include the informal sector, which is increasingly important in Malaysia's economic ecosystem, says Statistics Department (DOSM).

This includes online businesses, small traders, homestays, gig workers and non-profit organisations.

Banci Ekonomi 2026 kenal pasti industri, produk baharu

On: Mohamed Arif Khan - 13 February 2026

PUTRAJAYA – Banci Ekonomi (BE) 2026 penting dalam mengenal pasti kemunculan industri dan produk baharu seiring dengan perubahan struktur ekonomi akibat teknologi, pendigitalan dan keperluan pasaran global.

Menteri Ekonomi, Ahmad Nasrullah bin Mohd Nasir berkata, banci ini bukan sekadar hanya mencatat ekonomi sedia ada tetapi memetakan ekonomi yang sedang dilakukannya.

BE2026 Luas Liputan Sektor Informal Demi Data Ekonomi Lebih Inklusif – DOSM

On: 23/02/2026 09:54

PUTRAJAYA, 23 Feb. – Menteri Ekonomi akan melancarkan Banci Ekonomi 2026 (BE2026) yang akan memperluaskan liputan sektor informal (seperti perniagaan kecil, pedagang kaki lima, homestay, pekerja gig dan perniagaan bukan berlesen) ke dalam sistem data nasional.

PUTRAJAYA, 23 Feb. (Bernama) – Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 (BE2026) akan memperluaskan liputan sektor informal yang semakin penting dalam ekosistem ekonomi negara, termasuk perniagaan dalam talian, penjaja kecil, inap desa, pekerja gig dan perniagaan bukan berlesen.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kenyataan hari ini memaklumkan langkah ini selaras prinsip 'no business left behind' bagi memastikan statistik ekonomi negara lebih inklusif serta membolehkan lebih sebarang aktiviti ekonomi rakyat.

Therdasarkan inisiatif berteknologi tinggi, perniagaan ekonomi mikro dan kecil akan semakin lebih menyeluruh, sekali gus membolehkan dasar perancangan ekonomi dirangka dengan lebih tepat dan berkesan, membolehkan negara mencapai matlamat pembangunan BE2026 yang diarahkan ke arah ekonomi digital.

Banci Ekonomi 2026 rekod kali pertama sektor informal, pastikan tiada segmen tercicir

PUTRAJAYA: Sektor informal termasuk perniagaan dalam talian, penjaja kecil, pengusaha inap desa, pekerja gig serta perniagaan bukan berlesen akan turut dimasukkan dalam sistem data nasional.

Banci Ekonomi 2026 rekod kali pertama sektor informal, pastikan tiada segmen tercicir

PUTRAJAYA: Sektor informal termasuk perniagaan dalam talian, penjaja kecil, pengusaha inap desa, pekerja gig serta perniagaan bukan berlesen akan turut dimasukkan dalam sistem data nasional.

BE 2026 Aims To Map Nation's Economy In Detail, Akmal

By Bernama Staff Writer - 23 Feb 2026

Malaysia officially launched the Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) today, marking the country's largest and most comprehensive economic census to date.

The initiative, spearheaded by the Department of Statistics Malaysia (DOSM), aims to provide



Economic Census 2026 Expands Scope to Capture Informal Sector, Strengthening Malaysia's Economic Planning

PUTRAJAYA, Feb 22 — Malaysia's Economic Census 2026 (EC2026) is introducing a major shift by officially including informal economic activities such as online sellers, small traders, hawker stalls, gig workers, and non-profit organisations for the first time.

Economy Minister Ahmad Hamzah Mohd Nasir said the move reflects the government's determination to ensure that all economic activities, including those outside the formal sector, are properly documented.

BE2026 Luas Liputan Sektor Informal Demi Data Ekonomi Lebih Inklusif - DOSM

23/02/2026 08:18 PM



PUTRAJAYA, 23 Feb — Menteri Ekonomi Ahmad Hamzah Mohd Nasir (Hamzah) menyuarakan hasrat kerajaan untuk memperluas liputan Banci Ekonomi 2026 (BE2026) untuk memasukkan sektor informal dan bukan untung (non-profit) untuk pertama kalinya. Beliau berkata, langkah ini bertujuan untuk memastikan data ekonomi negara lebih inklusif dan sahih untuk merangka dasar pembangunan.

Hamzah berkata, BE2026 akan mencatatkan aktiviti ekonomi yang tidak termasuk dalam banci ekonomi sebelumnya, seperti penjual online, pedagang kecil, pekerja gig, dan organisasi bukan untung. Beliau berharap, langkah ini akan membantu kerajaan memahami ekonomi negara dengan lebih menyeluruh dan merangka dasar pembangunan yang lebih inklusif.

Banci Ekonomi 2026 liputi 1.34 juta pertubuhan, dilaksana hingga Oktober ini

Chin Muiyannan Arif Nizam - 23 February 2026



PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE

PUTRAJAYA – Banci Ekonomi (BE) 2026 bakal menjadi antara inisiatif pengumpulan data terbesar negara yang meliputi 1.34 juta pertubuhan yang memberi tumpuan kepada landskap ekonomi baharu.

Banci Ekonomi 2026 rekod kali pertama sektor informal, pastikan tiada segmen tercalar

PUTRAJAYA, 23 Feb — Menteri Ekonomi Ahmad Hamzah Mohd Nasir (Hamzah) berkata, Banci Ekonomi 2026 (BE2026) akan menjadi banci ekonomi yang paling inklusif dalam sejarah negara. Beliau berkata, BE2026 akan meliputi sektor informal dan bukan untung (non-profit) untuk pertama kalinya, memastikan tiada segmen ekonomi yang tercalar.

Hamzah berkata, BE2026 akan meliputi 1.34 juta pertubuhan yang memberi tumpuan kepada landskap ekonomi baharu. Beliau berharap, langkah ini akan membantu kerajaan memahami ekonomi negara dengan lebih menyeluruh dan merangka dasar pembangunan yang lebih inklusif.

EC 2026: Malaysia's biggest data drive includes informal economy

By 1. Bismillah / Economy 26, 2026 at 6:18 PM




PUTRAJAYA, Feb 22 — Malaysia's Economic Census 2026 (EC2026) is introducing a major shift by officially including informal economic activities such as online sellers, small traders, hawker stalls, gig workers, and non-profit organisations for the first time.

Economy Minister Ahmad Hamzah Mohd Nasir said the move reflects the government's determination to ensure that all economic activities, including those outside the formal sector, are properly documented.

THE EDGE MALAYSIA

Home Corporate Economy Court & Politics Sections EdgeTV



KUALA LUMPUR (Feb 23): Malaysia has launched its sixth Economic Census (EC2026), which is expanding its scope to include the informal sector for the first time. The move aims to strengthen the national data system and ensure economic statistics remain relevant to support evidence-based policymaking.



PUTRAJAYA, 23 Feb — Menteri Ekonomi Ahmad Hamzah Mohd Nasir (Hamzah) berkata, Banci Ekonomi 2026 (BE2026) akan menjadi banci ekonomi yang paling inklusif dalam sejarah negara. Beliau berkata, BE2026 akan meliputi sektor informal dan bukan untung (non-profit) untuk pertama kalinya, memastikan tiada segmen ekonomi yang tercalar.

Hamzah berkata, BE2026 akan meliputi 1.34 juta pertubuhan yang memberi tumpuan kepada landskap ekonomi baharu. Beliau berharap, langkah ini akan membantu kerajaan memahami ekonomi negara dengan lebih menyeluruh dan merangka dasar pembangunan yang lebih inklusif.

BE 2026 mampu kesan industri, produk baharu pasca pendigitalan

23/02/2026 14:06 PM - 1 min read



PUTRAJAYA, 23 Februari — Banci Ekonomi (BE) 2026 diharapkan dapat memberi impak positif kepada sektor industri dan produk baharu pasca pendigitalan. Menteri Ekonomi Ahmad Hamzah Mohd Nasir berkata, BE2026 akan meliputi sektor informal dan bukan untung (non-profit) untuk pertama kalinya, memastikan tiada segmen ekonomi yang tercalar.

Hamzah berkata, BE2026 akan meliputi 1.34 juta pertubuhan yang memberi tumpuan kepada landskap ekonomi baharu. Beliau berharap, langkah ini akan membantu kerajaan memahami ekonomi negara dengan lebih menyeluruh dan merangka dasar pembangunan yang lebih inklusif.

Pengumuman

Banci Ekonomi 2026 (BE 2026)

PUTRAJAYA, 23 Feb — Menteri Ekonomi Ahmad Hamzah Mohd Nasir (Hamzah) berkata, Banci Ekonomi 2026 (BE2026) akan menjadi banci ekonomi yang paling inklusif dalam sejarah negara. Beliau berkata, BE2026 akan meliputi sektor informal dan bukan untung (non-profit) untuk pertama kalinya, memastikan tiada segmen ekonomi yang tercalar.

Hamzah berkata, BE2026 akan meliputi 1.34 juta pertubuhan yang memberi tumpuan kepada landskap ekonomi baharu. Beliau berharap, langkah ini akan membantu kerajaan memahami ekonomi negara dengan lebih menyeluruh dan merangka dasar pembangunan yang lebih inklusif.



TERIMA KASIH

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua AJK bertugas di belakang tabir yang telah menggerakkan operasi, logistik dan koordinasi program dengan komited serta profesional, sekali gus memastikan keseluruhan perjalanan majlis berlangsung lancar, teratur dan mencapai objektif penganjuran.



BELAKANG TABIR AJK Bertugas, Nadi Kelancaran Program

B426
BANGI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT



Gemilang

Di arus zaman berubah
moden dan penuh rintangan
tetap melangkah dan berevolusi
dan menuju matlamat jaya

Seiring dan seirama
bersama tekad di hati
misi dan visi berinovasi
Gah di mata dunia

Chorus

Gemilang, perangkaan jitu
data terpelihara
pelbagai anugerah
membuktikan kita juga berdaya
Gemilang, harumkan negara
di antarabangsa
berpadu tenaga, berganding ba
dan kejayaan di rasa

Langkah strategi di yakini
kejayaan di kecap
sejarah yang terukir
menjadi inspirasi



Statistics Bloom in Harmony

Doesn't matter far or near
Strength in numbers
we don't live in fear

Birds of feather flock together
Statistics our form of adour
We, will always live it up

Prechorus

So let us live in solidarity And in the
world arena we'll succeed
It is statistics that will come to be
The reason we will bloom in
harmony

Chorus

Everybody undivided Data's where
our hearts reside in
There will always be a bind
Just like fire that ignites
That's how brightly lit our dreams
are
We'll reach higher than the stars

Sending love to one another
Leaving no one in a slumber
We will stand with unity

Mustering our courage while
Embracing our disparities We'll
achieve our victory
One dream with unity
One love with harmony



Thank You



2016 - 2030



StatsMalaysia
www.DOSM.gov.my

